

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN****DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATO' SERI MOHAMED AZMIN BIN ALI  
(GOMBAK)**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**Y.B. DATO' SERI MOHAMED AZMIN BIN ALI [ GOMBAK ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah kutipan semua jenis cukai dan duti kastam serta lain-lain yang membabitkan setiap negeri dari tahun 2000 hingga 2017.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Pentadbiran kutipan hasil cukai Kerajaan Persekutuan daripada semua negeri-negeri di Malaysia adalah melibatkan dua jabatan/agensi iaitu Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) yang mengutip cukai langsung dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) yang mengutip cukai tidak langsung. Secara amnya cukai langsung terdiri dari cukai pendapatan syarikat dan individu termasuk

cukai pegangan ke atas pendapatan bukan pemastautin, cukai pendapatan petroleum, duti setem dan cukai keuntungan harta tanah. Cukai tidak langsung pula terdiri daripada duti import, duti eksport, duti eksais, cukai barang dan perkhidmatan (GST) dan levi keuntungan luar biasa.

Adalah dimaklumkan bahawa jumlah kutipan cukai langsung atau tidak langsung di sesuatu negeri tidak menggambarkan sumbangan cukai yang dihasilkan daripada aktiviti ekonomi di negeri berkenaan. Ini adalah disebabkan negeri di mana lokasi cawangan agensi kutipan cukai yang menerima pembayaran cukai langsung atau tidak langsung berkenaan, berkemungkinan besar adalah berbeza dengan tempat di mana aktiviti ekonomi pembayar cukai dijalankan atau negeri tempat tinggal pembayar cukai. Sebagai contoh, wujud keadaan di mana aktiviti ekonomi dijalankan di negeri Selangor manakala cukai pendapatannya dibayar di cawangan LHDNM di Kuala Lumpur kerana syarikat memfail cukai pendapatannya melalui ibu pejabat yang terletak di Kuala Lumpur. Begitu juga bagi kutipan cukai tidak langsung di bawah pentadbiran JKDM yang mana syarikat menjalankan perniagaan di negeri Selangor mungkin membuat pengimportan di negeri lain dan membayar duti import di negeri tersebut. Sebagai contoh, syarikat berkenaan membuat pengimportan melalui Pelabuhan Pulau Pinang dan dengan itu kutipan

210

duti import yang berkenaan direkodkan bagi negeri Pulau Pinang.